Dalam konteks pendidikan, kreativiti merupakan fokus penting dalam kerangka pendidikan dunia yang merangkumi kemahiran dan pendekatan yang mencerminkan keperluan semasa dalam era digital. Antaranya kerangka kemahiran 2030 OECD, Kerangka Rujukan European United (EU), Pembelajaran Mendalam Hewlett Foundation, P21.org, ATC21S dan juga kit PAK 21 negara kita. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan inisiatif transformasi kurikulum dengan





menekankan elemen PAK 21 dalam pengajaran dan pembelajaran harian agar kurikulum Malaysia mengikuti perubahan sosial dan teknologi terkini sama ada secara tempatan atau global sejak tahun 2017 (KPM, 2017). Hal ini menekankan pentingnya kreativiti guru dalam memacu pembelajaran yang dinamik dan berkesan (Ferreira et al., 2020) untuk mempersiapkan murid menghadapi dunia yang berubah dengan pantas.

Secara idealnya, guru yang kreatif memiliki kebolehan untuk mengadaptasi pendekatan pengajaran mereka sesuai dengan keperluan murid yang berbeza, mencipta pengalaman pembelajaran yang inklusif, serta menginspirasi murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif (Andreas, 2019). Dengan kreativiti, guru membantu murid mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk berdepan cabaran dan peluang dalam era digital, termasuk kemajuan ekonomi digital, robotik, kepintaran buatan manusia, dan teknologi automasi (Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi, 2020). Jadi, pelbagai cabaran dapat diatasi dengan kreativiti guru yang tinggi (Harris, 2016) dan membawa kepada pembangunan yang lebih efektif dalam pendidikan (Lucas, 2021).

Meskipun kesedaran tentang pentingnya kreativiti guru semakin tinggi, terdapat jurang yang ketara dalam pelaksanaannya di sekolah. Didapati tiada perubahan nyata dapat diperhati, terutamanya budaya pemikiran kreatif di sekolah (Sulaiman et al., 2019; Shamilati, Wan Mazwati & Rahimah, 2017). Kajian literatur lepas turut menunjukkan guru kurang mengamalkan kemahiran berfikir secara kreatif (Azmi & Nurzatulshima, 2017; Sukiman, Noor Shah & Mohd Uzi, 2013; Zulkarami, 2011; Zamri & Jamaludin, 2002) dan kurang menerapkan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Norismayati, Anida & Rashid, 2014). Guru-guru daerah Kinta





Utara di Negeri Perak dilaporkan mempunyai kemahiran kreativiti dan inovasi yang sederhana dalam amalan pengajaran dan pembelajaran abad 21 (Noor Lela, Sho, Hariyaty & Rohaila, 2019). Nagaretnam dan Mahmud (2022) pula mendapati bahawa tahap kreativiti guru masih pada peringkat sederhana tinggi dan perlu ditingkatkan lagi dalam kalangan guru Matematik. Keadaan ini menjadi lebih bimbang apabila skor pemikiran kreatif dan skor PISA negara bagi tahun 2022 menurun (Kim, 2011; PISA, 2023), serta tenaga manusia dalam pasaran pekerjaan didapati tidak kreatif (Nussbaum, 2010; Jaschik, 2015; Adobe Study, 2018). Oleh itu, wujudnya keperluan mendesak untuk memenuhi jurang dalam pelaksanaan kreativiti dalam pendidikan dan menyediakan murid dengan lebih baik untuk menghadapi cabaran dan peluang masa depan.



menyumbang kepada kreativiti. Antara termasuk faktor motivasi (Amabile, 1985), faktor persekitaran (Csikszentmihalyi, 1996), faktor kecerdasan intelektual (Gardner, 2011), dan faktor efikasi sendiri (Zhang et al., 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian cenderung memfokuskan kepada faktor-faktor tertentu, hal ini membawa kepada jurang dalam memahami pengaruh kolektif faktor ini terhadap kreativiti individu. Untuk itu, Anderson et al. (2014) juga menyatakan bahawa perlu penyelidikan lanjut dilakukan tentang kreativiti individu dan bagaimana sumber kreatif dapat merangsang kreativiti secara kolektif. Oleh itu, terdapat keperluan untuk penyelidikan lanjut untuk meneroka kreativiti individu secara menyeluruh.

Di samping itu, sesebuah sekolah yang dikatakan berjaya dan cemerlang biasanya berdasarkan prestasi atau pencapaian murid (Beck & Murphy, 1996), tetapi





kecemerlangan sekolah memerlukan beberapa faktor dalaman seperti kepimpinan yang berkesan (Schein, 2010) dan guru yang sentiasa meningkatkan kreativiti (Sternberg & Lubart, 1995). Pemimpin sekolah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kreativiti guru (Khalili, 2016; Çekmecelioğlu & Özbağb, 2016; Suifan, Abdallah & Al Janini, 2018; Tekic & Koroteev, 2019; Shafi et al., 2020; Żywiołek, Tucmeanu, Tucmeanu, Isac & Yousaf, 2022; Pertiwi, Setyawati, & Anggraeni, 2023). Pemimpin sekolah yang berkesan dapat memberi dorongan kepada guru untuk mengembangkan kreativiti mereka dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dalam dunia digital ini, kepimpinan digital menjadi semakin penting dan perlu dikaji (Husain Ibrahim, 2020). Pemimpin sekolah perlu berubah dan bertindak sebagai pemimpin digital untuk memastikan guru sebagai pemudahcara yang kreatif dalam menyampaikan kemahiran dan pengetahuan kepada murid (Jang & Weller, 2018; Roblyer & Doering, 2014). Seandainya pemimpin dan guru sekolah masih berpegang kepada cara tradisional, akibatnya akan berlaku keadaan seperti dilaporkan sebanyak 17% murid tidak hadir ke sekolah dan 20 peratus murid telah hilang minat untuk belajar (UNICER & UNFPA, 2020). Oleh itu, kepimpinan digital adalah penting dalam memacu kreativiti guru dan akhirnya meningkatkan kejayaan sekolah dalam era digital.

Walaupun kajian kepimpinan digital telah banyak dilakukan, didapati tahap kepimpinan digital adalah berbeza mengikut konteks dalam kajian literatur lepas. Terdapat kajian yang menunjukkan tahap tinggi (Hafiza Hamzah et al., 2021; AlAjmi, 2022) dan juga tahap yang sederhana (Tanucan, Negrado & Malaga, 2022; Karakose, Polat, & Papadakis, 2021). Jadi, persoalannya sejauh manakah pemimpin sekolah Malaysia bersedia dan terlatih dalam memainkan peranannya sebagai pemimpin digital





di sekolah. Keadaan ini membimbangkan lagi apabila pemimpin sekolah dikehendaki menjadi pemimpin digital untuk memenuhi hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Digital (KPM, 2023) di sekolah. Tambahan pula, Digital Perak telah diamanahkan untuk menjadikan negeri Perak sebagai Negeri Digital pada tahun 2030 (Portal Digital Perak, 2019). Jurang pengetahuan ini juga mendorong pengkaji untuk mengkaji kepimpinan digital guru besar sekolah rendah di negeri Perak.

Kajian-kajian lepas juga membuktikan stail kepimpinan yang berbeza dapat mempengaruhi kreativiti (Ming & Mansor, 2024). Seseengah pengkaji menggunakan teori kepimpinan tunggal yang mempengaruhi kreativiti (Żywiołek et al., 2022; Chua et al., 2021; Chua, Lim & Wiruchnipawan, 2022; Awang et al., 2020; Rehmani et al., 2023; Pertiwi, Setyawati & Anggraeni, 2023) manakala terdapat pengkaji menggunakan teori kepimpinan bergabung untuk kreativiti (Bellibaş, Kılınç & Polatcan, 2021). Namun begitu, kepimpinan yang sedia ada dikatakan kurang memenuhi situasi dan keperluan semasa yang sentiasa berubah (Kelly, 2018; Papa, 2011). Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji secara mendalam kepimpinan sekolah dalam konteks kreativiti di sekolah.

Selain kepimpinan sekolah, pengaruh pembelajaran profesional guru terhadap kreativiti guru juga telah didokumentasikan dalam banyak kajian literatur (Selkrig & Keamy, 2017; O'Brien & Jones, 2014; Gabbi, 2022; Hatcher, 2011; Davies et al., 2013; Butler et al., 2015; Hsiao, 2022). Lucas (2021) juga menyokong bahawa pembelajaran profesional guru tidak hanya meningkatkan kreativiti, tetapi juga dapat meningkatkan kesan positifnya apabila pemimpin sekolah menitikberatkan pada pembangunan profesionalisme guru (MacBeath, 2019). Namun begitu, wujudnya jurang antara latihan





dalam perkhidmatan guru yang tersedia dan keperluan sebenar guru. Pendekatan bersifat ‘*top-down*’ dan ‘*one-off*’ tidak sesuai untuk memenuhi pembelajaran guru yang berterusan (Norazlinda & Surendran, 2019; Abd Khalid, 2017; Lokman & Kalsom, 2011; Zuraidah, 2010; Jackson, 2009). Lebih daripada itu, kurangnya pemahaman pihak sekolah terhadap kehendak organisasi sekolah, tugas dan keperluan individu guru juga menyumbang kepada kegagalan pembangunan profesionalisme berterusan guru di Malaysia (Sa’adiah, Jamal & Hamidah, 2020). Dari persepsi, guru menganggap bahawa mereka tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang idea kreatif bagi kebaikan organisasi (Saether & Saetre, 2017). Jadinya, penekanan yang lebih besar perlu diberikan kepada penyediaan latihan yang relevan dan sesuai dengan keperluan sebenar guru.



diaplikasikan (Zuraidah, 2016; Sprinthall, 1984), tetapi konseptualisasi pembelajaran profesional guru bertindih dan difahamkan berdasarkan teori yang berbeza. Konflik konseptual dan perbezaan teori dalam pemahaman pembelajaran profesional guru ini juga menyebabkan kualiti profesionalisme guru menurun (Richards & Farrell, 2005). Keadaan bertambah sukar apabila kontinuum keperluan guru adalah berbeza mengikut lokasi guru (Sprinthall, 1984) dan generasi guru (Yaakob, Don, Sufi & Yusof, 2020). Kekurangan literatur kajian mengenai peranan pemimpin sekolah dalam pembelajaran profesional guru untuk meningkatkan kreativiti guru juga mendorong pengkaji mengkaji pembelajaran profesional guru dan konsepnya bagi memenuhi jurang pengetahuan dalam bidang ini.





Hubungan antara kepimpinan digital dan kreativiti guru dengan melibatkan peranan pembelajaran profesional guru sebagai pengantara adalah penting untuk dikaji dalam perubahan sekolah. Kajian terdahulu membuktikan bahawa pengaruh kepimpinan sekolah dan pembelajaran profesional guru terhadap kreativiti guru secara tidak langsung. Namun begitu, didapati kekurangan kajian yang menggabungkan dan mengkaji ketiga-tiga pemboleh ubah, iaitu kepimpinan digital, pembelajaran profesional guru dan kreativiti guru (Mullet et al., 2016; Hung & Sitthiworachart, 2020). Kekurangan literatur ini telah mendatangkan satu keperluan mendesak untuk mengkaji hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru serta pembelajaran profesional guru sebagai pengantara. Khususnya, kajian ini dilakukan dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Perak untuk menyelidik bagaimana kepimpinan digital guru besar mempengaruhi kreativiti guru melalui pembelajaran profesional guru.



Justeru itu, kreativiti guru bukan sekadar suatu elemen penting dalam pendidikan, tetapi juga satu cara untuk menyediakan generasi akan datang bagi menghadapi dunia yang kompleks. Adalah penting untuk memahami faktor yang mempengaruhi kreativiti dan menerapkannya untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pemimpin sekolah dan pembelajaran profesional guru bukan sahaja membantu guru menjadi pemudahcara yang berkesan tetapi juga berkreaitif dalam pendidikan agar memastikan semua murid menerima pendidikan yang berkualiti dan relevan.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh pembelajaran profesional guru sebagai perantara terhadap hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru dalam kalangan guru sekolah rendah di Negeri Perak. Pada masa yang sama, kajian juga mengkaji peranan pembelajaran profesional guru sebagai perantara dalam hubungan kepimpinan digital guru besar dan pembelajaran profesional guru di sekolah.

1.5 Objektif Kajian



Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menetapkan tujuh objektif yang akan dikaji dalam prosedur kajian seperti:-

- i. Menenal pasti tahap kreativiti dalam kalangan guru di sekolah rendah negeri Perak.
- ii. Menenal pasti tahap kepimpinan digital dalam kalangan guru besar di sekolah rendah negeri Perak.
- iii. Menenal pasti tahap pembelajaran profesional dalam kalangan guru di sekolah rendah negeri Perak.
- iv. Menganalisis sama ada kepimpinan digital guru besar mempengaruhi pembelajaran profesional guru di sekolah rendah negeri Perak.
- v. Menganalisis sama ada pembelajaran profesional guru mempengaruhi kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.





- vi. Menganalisis sama ada kepimpinan digital guru besar mempengaruhi kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.
- vii. Menganalisis kesan pembelajaran profesional guru sebagai perantara dalam hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.

1.6 Soalan dan Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan, pengkaji juga telah mengemukakan soalan dan hipotesis kajian yang akan dijawab melalui beberapa prosedur kajian iaitu:-



- i. Apakah tahap kreativiti dalam kalangan guru di sekolah rendah negeri Perak?
- ii. Apakah tahap kepimpinan digital dalam kalangan guru besar di sekolah rendah negeri Perak?
- iii. Apakah tahap pembelajaran profesional dalam kalangan guru di sekolah rendah negeri Perak?
- iv. Adakah kepimpinan digital guru besar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembelajaran profesional guru di sekolah rendah negeri Perak?
- H_{a1}: Kepimpinan digital guru besar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembelajaran profesional guru di sekolah rendah negeri Perak.
- v. Adakah pembelajaran profesional guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak?
- H_{a2}: Kepimpinan digital guru besar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.





- vi. Adakah kepimpinan digital guru besar mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak?
- H_{a3}: Pembelajaran profesional guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.
- vii. Adakah pembelajaran profesional guru sebagai perantara mempengaruhi hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak?
- H_{a4}: Pembelajaran profesional guru merupakan pengantara kepada hubungan antara kepimpinan digital dan kreativiti guru di sekolah rendah negeri Perak.

1.7 Kerangka Teoretikal Kajian



Kerangka teori merupakan panduan kepada aktiviti kajian berpandukan teori yang menjadi dasar. Dalam kajian ini, kerangka teoritikal dibina berdasarkan Teori Kognitif Sosial (*Social Cognitive Theory, SCT*) (Bandura, 1986). Teori Kognitif Sosial ini berfungsi sebagai kerangka asas untuk memahami hubungan antara kepimpinan digital, pembelajaran profesional guru, dan kreativiti guru dengan menekankan interaksi antara faktor peribadi, tingkah laku dan persekitaran (Bandura, 1986). Dalam konteks kepimpinan digital, teori kognitif sosial (Bandura, 1986) menerangkan bagaimana pemimpin digital memodelkan amalan digital yang berkesan (pembelajaran pemerhatian), mempengaruhi guru meningkatkan keupayaan mereka dalam menggunakan teknologi digital secara berkesan (efikasi sendiri), dan mewujudkan persekitaran yang mengukuhkan amalan pengajaran yang kreatif (peneguhan). Pembelajaran profesional guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan





keupayaan tingkah laku guru dengan menyediakan pengetahuan dan kemahiran, memupuk persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran berterusan, dan menetapkan jangkaan realistik untuk hasil pengintegrasian teknologi digital. Persekitaran pembelajaran profesional ini menyokong guru dalam mengekalkan dan memperhalusi amalan kreatif mereka dari semasa ke semasa. Dengan adanya pengalaman pembelajaran yang lalu, teori kognitif sosial Bandura (1986) dapat menyediakan pendekatan yang komprehensif untuk mengekalkan perubahan tingkah laku, terutamanya dalam mencapai kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, teori kognitif sosial ini dapat menerangkan bagaimana kepimpinan digital dan pembelajaran profesional guru dapat meningkatkan kreativiti guru dalam kajian ini.

Seterusnya, setiap pemboleh ubah dalam kajian ini adalah didasari dengan teori dan model. Kepimpinan digital guru besar didasari model standard *International Society for Technology and Education* (ISTE) (ISTE, 2014). Kreativiti guru didasari teori pelaburan kreativiti (*Investment Theory of Creativity*) (Sternberg & Lubart, 1995), serta pembelajaran profesional guru didasari teori pembelajaran dewasa (Knowles, 2005) dan teori pembelajaran transformatif (Mezirow, 2001). Kombinasi teori dan model dalam kerangka teoritikal ini bertujuan untuk menerangkan setiap pemboleh ubah dengan lebih baik dalam kajian ini.

1.7.1 Model Kepimpinan Digital

Model ISTE (2014) sebagai asas untuk menerangkan kepimpinan digital guru besar dalam kajian ini. Model ISTE (2014) terpilih kerana model ini dapat memberikan





perspektif yang penting dalam konteks kepemimpinan era digital dan menekankan peranan pemimpin dalam memandu dan meningkatkan prestasi pendidikan melalui pengurusan kurikulum dan pengajaran. Dalam era digital, model ini menjadi relevan dengan bagaimana pemimpin dapat mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan hasil pendidikan. Dengan itu, Model ISTE (2014) menjadi asas bagi kepemimpinan digital ini dan menyediakan standard yang jelas untuk penggunaan teknologi dalam pendidikan dan membimbing pemimpin dalam mengembangkan kemahiran dan kebolehan yang diperlukan dalam kalangan guru. Tambahan pula, model ini terpilih atas aspek kesesuaian, praktikal dan sering digunakan dalam konteks kepemimpinan digital berbanding dengan model lain (Juraime & Mohd Izham, 2019; Raamani & Arumugan, 2018; Arumugan et al., 2018, Espelin, 2017).



1.7.2 Model Pembelajaran Profesional Guru

Bagi pembelajaran profesional guru pula, model pembelajaran guru Richards dan Farrell (2005) digunakan sebagai asas dalam kajian ini. Model ini terpilih dalam konteks pembelajaran profesional guru kerana memberikan pandangan yang relevan tentang bagaimana orang dewasa belajar dalam konteks pendidikan guru. Model ini menekankan pembelajaran guru berlaku mengikut prinsip-prinsip seperti keperluan pembelajaran yang bersifat kadar sendiri, pengalaman sebelumnya sebagai sumber pembelajaran, dan keperluan pembelajaran yang relevan dan praktikal dalam konteks profesional mereka.





Sementara itu, model ini membantu guru memahami bagaimana pengalaman mereka dapat mengubah pandangan mereka tentang pengajaran dan pembelajaran, membawa kepada pendekatan yang lebih reflektif dan kritis dalam amalan mereka. Model Richards dan Farrell (2005) mempunyai empat komponen yang sesuai dan boleh diterangkan dengan teori pembelajaran dewasa Knowles (2005) dan teori pembelajaran transformatif Mezirow (2000). Pertama, model ini menekankan pembelajaran kemahiran yang sejajar dengan prinsip-prinsip teori pembelajaran dewasa dengan menekankan keperluan pembelajaran yang praktikal dan relevan dalam konteks profesional guru. Guru mengembangkan kemahiran praktikal berkaitan amalan mereka di bilik darjah. Kedua, proses kognitif yang digariskan dalam model ini sesuai dengan teori pembelajaran transformatif yang menekankan perubahan mendalam dalam cara guru memahami dan melihat dunia. Dengan mengeksplorasi proses kognitif mereka sendiri, guru dapat memperkukuhkan pemahaman mereka tentang konsep-konsep kritis dalam pendidikan dan menerapkannya dalam amalan mereka.

Ketiga, proses refleksi sesuai dengan pendekatan pembelajaran transformatif yang menitikberatkan pada perubahan mendalam dalam pandangan dan amalan guru. Melalui refleksi, guru dapat mengkaji dan menilai pengalaman mereka secara kritis, yang memungkinkan mereka untuk membuat perubahan yang bermakna dalam cara mereka mengajar. Terakhir, pembangunan diri dalam model ini sejajar dengan teori pembelajaran dewasa yang menekankan pembelajaran sendiri dan pengalaman sebelumnya sebagai sumber pembelajaran. Hal ini memberi guru peluang untuk menguruskan pembelajaran mereka sendiri dan mengakses sumber-sumber pembelajaran yang sesuai dengan keperluan dan minat mereka.



1.7.3 Teori Kreativiti Guru

Teori pelaburan kreativiti (Sternberg & Lubart, 1995) digunakan dalam kajian ini untuk mengukur kreativiti guru. Teori ini memberikan kerangka komprehensif untuk memahami dan menilai kreativiti guru dengan mengemukakan enam sumber kreatif iaitu kecerdasan, gaya berfikir, pengetahuan, personaliti, motivasi, dan persekitaran. Teori Sternberg dan Lubart (1995) membantu kita memahami kreativiti secara menyeluruh dan mengambil kira pelbagai faktor dalam konteks pendidikan yang sentiasa berubah dan kompleks. Keseluruhan teori dan model yang disandarkan dalam kajian ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Pemboleh ubah	Teori	Model
Kepimpinan Digital Guru Besar	-	Model <i>International Society for Technology and Education</i> (ISTE) (2014)
Pembelajaran Profesional Guru	-	Model Pembelajaran Guru Richards & Farrell (2005)
Kreativiti Guru	Teori Pelaburan Kreativiti (<i>Investment Theory of Creativity</i>) Sternberg dan Lubart (1995)	-

1.8 Kerangka Konseptual Kajian


Berdasarkan kerangka teoritikal yang telah dibincangkan, pengkaji telah membentuk satu kerangka konseptual kajian yang dapat menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah tak bersandar, perantara dan pemboleh ubah bersandar seperti Rajah 1.1. Dalam kajian ini, pemboleh ubah tak bersandar ialah kepimpinan digital guru besar manakala pemboleh ubah bersandar ialah kreativiti guru. Pembelajaran profesional guru memainkan peranan sebagai perantara dalam hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru.

Kepimpinan digital guru besar mempunyai lima dimensi Model ISTE (2014) terdiri daripada i) kepimpinan berwawasan; ii) budaya pembelajaran era digital; iii) kecemerlangan amalan profesional; iv) peningkatan bersistematik; dan, v) kewarganegaraan digital. Pemboleh ubah perantara pembelajaran profesional guru mempunyai empat dimensi daripada model pembelajaran guru yang dicadangkan oleh Richards dan Farrell (2005). Empat dimensi tersebut terdiri daripada: i) pembelajaran kemahiran; ii) proses kognitif; iii) proses refleksi, dan iv) pembangunan sendiri.

Pemboleh ubah tak bersandar kreativiti guru mempunyai lapan dimensi daripada Teori Pelaburan Kreativiti (Sternberg & Lubart, 1995) iaitu: i) keupayaan analitik; ii) keupayaan kreatif; iii) keupayaan praktikal; iv) pengetahuan; v) gaya berfikir; vi) personaliti; vii) motivasi; dan, viii) persekitaran. Keseluruhan kerangka konseptual dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji memberi takrif kepada istilah, ‘terms’ dan rangkai kata mengikut cara yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Creswell (2014), definisi dalam kajian ini dioperasi untuk mengelakkan pemboleh ubah bersifat konsepsi dan bertujuan untuk menjadikan pemboleh ubah bermakna dari segi nilai atau angka agar dapat diukur dan data pemboleh ubah tersebut dapat diproses secara statistik.



1.9.1 Kepimpinan Digital Guru Besar

Pemimpin digital memiliki keupayaan dan daya pengaruh untuk membangunkan potensi dan kapasiti ahli organisasi iaitu guru dan murid seiring dengan perubahan dan transformasi sekolah. Kepimpinan digital merupakan suatu kombinasi antara kepimpinan, sumber, perkakasan dan teknologi digital yang dapat memacu transformasi digital di sekolah dengan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Oleh itu, kepimpinan digital dalam kajian ini merujuk kepada suatu kepimpinan yang melibatkan hala tuju yang berstrategik, pembangunan budaya, pembangunan profesional, peningkatan sistematik dan penggunaan teknologi digital secara beretika untuk mencapai kecemerlangan sekolah.



yang terkandung dalam model standard ISTE (2014), iaitu i) Kepimpinan Berwawasan; ii) Budaya Pembelajaran Era Digital; iii) Kecemerlangan Amalan Profesional; iv) Peningkatan Bersistematik dan; v) Kewarganegaraan Digital (ISTE, 2014). Sehubungan dengan itu, dimensi-dimensi kepimpinan digital ini adalah penting dan menjadi sebagai asas kepada konstruk-konstruk lain yang diukur dalam kajian ini.

1.9.1.1 Kepimpinan Berwawasan

Kepimpinan berwawasan ini merujuk kepada guru besar memimpin pembangunan dan pelaksanaan visi secara bersama dengan warga sekolah bagi mempromosikan



penggunaan teknologi secara komprehensif untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah (ISTE, 2014).

1.9.1.2 Budaya Pembelajaran Era Digital

Dalam kajian ini, dimensi ini merujuk kepada guru besar membina, mempromosikan dan mengekalkan budaya pembelajaran era digital dengan menyediakan pelbagai sumber pendidikan dan latihan pembelajaran profesional yang relevan dan praktikal untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (ISTE, 2014).

Dalam kajian ini, dimensi kecemerlangan amalan profesional merujuk kepada guru besar mempromosikan dan memperkasakan guru melalui persekitaran inovasi dan pembelajaran profesional bagi memanfaatkan sumber digital dalam usaha meningkatkan pembelajaran murid (ISTE, 2014).

1.9.1.4 Peningkatan Bersistematik

Peningkatan bersistematik menekankan perlunya pendekatan yang teratur dan berterusan untuk meningkatkan amalan dan proses digital dalam institusi pendidikan (ISTE, 2014). Dalam kajian ini, dimensi peningkatan bersistematik merujuk kepada



guru besar menyediakan pengurusan organisasi yang berkesan melalui proses peningkatan yang bersistematik dengan memanfaatkan alat dan sumber digital. Proses peningkatan ini juga melibatkan analisis data untuk meningkatkan prestasi guru di sekolah.

1.9.1.5 Kewarganegaraan Digital

Dalam kajian ini, kewarganegaraan digital merujuk kepada guru besar menunjukkan teladan mengenai isu keselamatan, etika dan undang-undang mengenai perkembangan budaya digital terutamanya dari segi penggunaan alat dan sumber digital (ISTE, 2014).



1.9.2 Pembelajaran Profesional Guru

Dalam kajian ini, pembelajaran profesional guru didefinisi sebagai suatu konseptualisasi pembelajaran guru yang merangkumi pembelajaran kemahiran, proses kognitif, pembangunan sendiri dan proses refleksi (Richards & Farrell, 2005).

1.9.2.1 Pembelajaran Kemahiran

Dalam kajian ini, pembelajaran guru dilihat sebagai pembangunan kemahiran atau kompetensi berbeza yang mendasari pengajaran guru. Kemahiran pengajaran guru boleh dibahagikan kepada kemahiran-kemahiran diskret yang boleh dikuasai satu per





satu pada masa tertentu. Antaranya termasuk kemahiran menyoal, memberi penjelasan dan menyampaikan isi pelajaran, serta kemahiran teknikal dalam pengurusan teknologi digital. Pembelajaran kemahiran ini merangkumi penyampaian, pembinaan kemahiran, dan memberi peluang kepada guru untuk terus belajar dan mengamalkan kemahiran yang dipelajari (Richards & Farrell, 2005).

1.9.2.2 Proses Kognitif

Dalam kajian ini, pembelajaran guru juga boleh dilihat sebagai suatu proses yang melibatkan aktiviti kognitif yang kompleks. Proses kognitif ini menitikberatkan kepercayaan dan pemikiran guru serta bagaimana proses ini mempengaruhi cara guru mengajar dan belajar. Proses kognitif ini menekankan bahawa pembelajaran guru adalah aktif dan melibatkan proses pembuatan keputusan guru terhadap pilihan instruksional berdasarkan pengetahuan, pemikiran dan pegangan mereka. Guru digalakkan sentiasa meneroka dan mencabar pegangan, kepercayaan serta pemikiran sedia ada mereka agar amalan pengajaran dan pembelajaran mereka sentiasa ditambahbaik (Richards & Farrell, 2005).

1.9.2.3 Pembangunan Kendiri

Pengetahuan guru adalah dibina secara aktif dan bukannya diterima secara pasif. Dalam kajian ini, pembelajaran profesional guru juga dilihat sebagai suatu proses pembangunan sendiri yang melibatkan penyusunan dan pembinaan semula sehingga





pengetahuan yang dipelajari tersebut dapat dihayati. Dengan itu, pembelajaran baharu akan disesuaikan dalam kerangka pengetahuan guru (Roberts, 1998). Komitmen guru terhadap aktiviti pembelajaran sendiri amat ditekankan. Penilaian pembelajaran sendiri dijalankan sebagai proses pembangunan sendiri dalam kalangan guru. (Richards & Farrell, 2005).

1.9.2.4 Proses Refleksi

Pembelajaran guru ini adalah berdasarkan andaian bahawa guru belajar daripada pengalaman pengajaran guru melalui proses refleksi yang berterusan. Proses refleksi dilihat sebagai suatu proses penyemakan kritikal terhadap pengalaman seseorang.

Proses ini mendorong guru untuk memahami amalan pengajarannya dengan lebih mendalam. Untuk melakukan proses refleksi yang kritikal, guru mengumpul maklum balas tentang pengajarannya sebagai maklumat asas melalui prosedur atau aktiviti seperti pemantauan sendiri, pemerhatian, dan kajian kes (Richards & Farrell, 2005).

1.9.3 Kreativiti Guru

Kreativiti guru merupakan aktiviti penjanaan buah fikiran yang menghasilkan peningkatan keberkesanan atau kecekapan kepada apa yang telah sedia ada. Dalam kajian ini, kreativiti guru merujuk kepada kebolehan guru menghasilkan idea atau penyelesaian yang bersifat novel dan bersesuaian dari segi kegunaan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kreativiti guru dapat diukur





dengan enam sumber kreativiti yang dinyatakan oleh Sternberg dan Lubart (1995). Enam sumber kreativiti Sternberg dan Lubart (1995) iaitu kecerdasan, pengetahuan, gaya berfikir, personaliti, motivasi dan persekitaran dapat berperanan sebagai syarat berkreativiti bagi seseorang. Jika salah satu daripada sumber ini tidak dipenuhi, maka akan terdapat 'kecacatan' dalam paradigma kreatif seseorang (Sternberg & Lubart, 1995).

1.9.3.1 Kecerdasan

Menurut Sternberg dan Lubart (1995), kecerdasan seseorang individu adalah terdiri daripada keupayaan analitik, keupayaan kreatif dan keupayaan praktikal seperti yang dinyatakan dalam teori kecerdasan *triarchic*.

i. Keupayaan Analitik

Keupayaan ini merujuk kepada keupayaan seseorang membuat analisis terhadap maklumat yang diberikan (Sternberg & Lubart, 1995). Individu yang bersifat analitik dapat membuat perbandingan terhadap situasi atau masalah yang dihadapi dengan kaedah membahagikan masalah besar kepada bahagian yang lebih kecil.



ii. **Keupayaan Kreatif**

Dalam kajian ini, keupayaan kreatif ini merujuk kepada keupayaan seseorang menerokai cara penyelesaian masalah yang berbeza dan kreatif (Sternberg & Lubart, 1995). Sewaktu mencari alternatif penyelesaian masalah, seseorang yang kreatif itu dapat menghasilkan dan melakukan sesuatu yang unik dan berbeza daripada orang lain.

iii. **Keupayaan Praktikal**

Dalam kajian ini, keupayaan praktikal merujuk kepada keupayaan seseorang mengaplikasi pengetahuan yang diserapkan ke dalam aktiviti harian (Sternberg, 2002)

atau mengikut keperluan semasa dan konteks yang berbeza.

1.9.3.2 Ilmu Pengetahuan

Ilmu pengetahuan yang meluas akan memberi kelebihan kepada individu yang kreatif untuk mengenal pasti idea-idea yang asli dan baru. Pengetahuan inividu diperlukan untuk menyuburkan kreativiti, namun pengetahuan yang banyak juga boleh menghalang kreativiti berfungsi dengan berkesan (Sternberg & Lubart, 1995).

1.9.3.3 Gaya Berfikir

Gaya berfikir ini merujuk kepada individu yang berfikir secara bercapah, sering mempersoalkan perkara-perkara yang bersifat konvensional dan berstatus quo serta berfleksibel dengan persekitaran dan perkara baharu (Sternberg & Lubart, 1995).

1.9.3.4 Personaliti

Personaliti merujuk kepada individu kreatif yang sentiasa terbuka kepada kritikan, sedar akan kewujudan risiko, berani, tekal dan tidak peduli dengan sebarang teguran, kritikan, dan sebagainya (Sternberg & Lubart, 1995).

1.9.3.5 Motivasi

Motivasi terdiri daripada motivasi dalaman (peribadi) dan luaran (persekitaran). Motivasi dalaman merujuk kepada individu kreatif mempunyai matlamat yang jelas dan minat yang mendalam dengan apa yang dikerjakannya. Sebaliknya, motivasi luaran merujuk kepada faktor luaran seperti ganjaran, kenaikan pangkat, hadiah, penghargaan, kemasyhuran dan sebagainya (Sternberg & Lubart, 1995).



1.9.3.6 Persekitaran

Keadaan persekitaran merujuk kepada bagaimana persekitaran mempengaruhi kreativiti individu secara langsung. Individu yang kreatif harus berada dalam persekitaran yang selamat, menyokong dan harmoni (Mohd Azhar, 2004; Sternberg & Lubart, 1995).

1.10 Batasan Kajian

Batasan kajian diwujudkan bagi memberi gambaran tentang kekangan atau skop yang terhad dalam kajian ini (Creswell, 2014; Hair et al., 2018). Kajian ini ialah satu kajian yang menyelidik hubungan antara kepimpinan digital guru besar dan kreativiti guru serta pembelajaran profesional guru berperanan sebagai pemboleh ubah perantara dalam kalangan guru sekolah rendah di negeri Perak. Terdapat beberapa batasan utama dalam kajian yang dijalankan ini. Pertama, kajian ini mempunyai batasan dari segi lokasi dan jenis sekolah. Ekoran itu, pengkaji hanya mendapatkan maklumat daripada pandangan guru sekolah rendah yang terdiri daripada aliran SK dan SJK di negeri Perak setelah dibahagikan mengikut zon geografinya seperti zon utara, zon tengah dan zon selatan dalam kajian ini.

Kedua, sampel kajian yang diambil hanya terdiri daripada guru sekolah rendah yang berkhidmat di negeri Perak. Data kajian yang diperoleh juga terpulang kepada jawapan ikhlas daripada responden kajian terhadap soal selidik yang diberikan. Segala maklumat yang diberikan adalah terbatas kepada kejujuran dan kesediaan responden





sewaktu menjawab soal selidik. Dengan itu, penganalisan data dan perbincangan dalam kajian ini juga terbatas berdasarkan data yang akan dikumpulkan pada suatu tempoh masa yang akan ditetapkan.

Ketiga, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya dan instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data. Walaupun begitu, kaedah kuantitatif ini sering dikritik kerana tidak memberi ruang kepada responden untuk menyuarakan pendapat mereka secara terperinci (Eyisi, 2016). Kajian jenis kuantitatif cenderung menghadkan responden kepada pemboleh ubah yang telah ditetapkan sebelumnya, hipotesis yang telah dirumuskan, dan reka bentuk yang telah ditetapkan sebelum ini oleh pengkaji (Denscombe, 1988). Jadi, kajian jenis ini hanya mengesahkan apa yang telah ditetapkan oleh pengkaji mengikut paradigma yang telah ditentukan sebelumnya.



Faktor masa merupakan batasan utama dalam kajian ini. Reka bentuk kajian kuantitatif menggunakan pendekatan keratan rentas (*cross-sectional*) yang mengharuskan responden untuk menjawab soal selidik dalam skala yang telah ditetapkan. Simon dan Goes (2013) menegaskan bahawa pendekatan ini mungkin tidak sesuai untuk responden yang mempunyai kerja yang banyak dengan masa yang terhad.

Keempat, *Common Method Bias* (CMB) boleh berlaku apabila kedua-dua pemboleh ubah bersandar dan tak bersandar diukur dalam satu tinjauan dengan menggunakan skala yang sama (MacKenzie & Podsakoff, 2012) dan dijawab oleh guru sekolah rendah berkaitan dengan pandangan mereka terhadap pemboleh ubah yang dikaji (Kock, Berbekova & Assaf, 2021). Podsakoff et al. (2012) mencadangkan bahawa data kajian dikumpul secara berasingan dan mengikuti tempoh masa yang berbeza bagi kepimpinan digital guru besar, pembelajaran profesional guru, dan





keaktiviti guru untuk mengelakkan CMB yang boleh menjejaskan dapatan kajian. Dalam kajian ini, soal selidik tinjauan yang menggunakan skala yang sama telah dijawab oleh responden berdasarkan penilaian mereka terhadap pembelajaran profesional guru dan kreativiti guru, serta pengumpulan data kajian ini dilakukan serentak atas sebab faktor kewangan dan masa.

Namun begitu, pengkaji telah mengambil beberapa langkah yang dicadangkan untuk mengawal berlakunya CMB dalam kajian ini. Dari segi kawalan prosedur, pengkaji memastikan soal selidik kajian memberi arahan yang jelas, memastikan kerahsiaan maklumat responden terjaga, mengelakkan kekeliruan dan ketidakjelasan item dan memastikan soal selidik ringkas dan mudah dijawab (Podsakoff et al., 2003;2012; Viswanathan & Kayande, 2012; Weijters & Baumgartner, 2012). Dari segi kawalan statistik, pengkaji mengawal CMB dengan melakukan ujian *Harman's single factor* melalui EFA or CFA (Korsgaard & Roberson, 1995; Podsakoff et al., 2003).

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara kepimpinan digital dan kreativiti guru serta pembelajaran profesional guru sebagai pemboleh ubah perantara. Secara umumnya, kajian ini dapat memberi kepentingan dari segi praktikal dan teoritikal kepada pihak berkepentingan pendidikan, terutamanya pemimpin sekolah. Dari segi kepentingan praktikal, kajian ini memiliki kerelevanan yang tinggi dengan hala tuju dan aspirasi Pendidikan Malaysia seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan inisiatif terkini seperti Dasar Pendidikan Digital yang





diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2023. Dapatan kajian ini adalah diharapkan dapat memberikan hala tuju dan cadangan kepada pihak berkepentingan pendidikan negara, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta pihak-pihak lain yang terlibat dalam perancangan, penetapan dan pelaksanaan dasar pendidikan.

Seterusnya, kajian ini dapat memberikan panduan dan maklumat berkaitan dengan aspek-aspek penting seperti kepimpinan digital, pembelajaran profesional guru, dan peningkatan kreativiti guru dalam konteks pendidikan moden yang semakin meluas. Dengan itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi landasan bagi pembaharuan pendidikan yang lebih berkesan dan relevan dengan keperluan semasa dan masa depan. Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan negara, memberikan dorongan dan motivasi kepada pemimpin sekolah serta pendidik dengan sokongan dan latihan profesional yang sesuai. Dengan itu, diharapkan dapat melahirkan generasi yang fasih digital, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Dasar Pendidikan Digital yang menitikberatkan pembentukan warganegara yang berpengetahuan dan bersaing secara global.

Dapatan kajian ini juga dapat membantu pemimpin sekolah memahami keperluan dan cabaran dalam pelaksanaan konsep kepimpinan digital di sekolah, khususnya dalam era digital. Dengan dapatan kajian ini, pemimpin sekolah dapat mengenal pasti bidang yang perlu ditingkatkan dalam kepimpinan mereka. Selain itu, dapatan kajian ini memberi panduan kepada pemimpin sekolah untuk meningkatkan





profesionalisme guru melalui pembelajaran profesional yang berterusan. Jadi, pemimpin sekolah dapat menyusun strategi dan program latihan yang sesuai untuk meningkatkan prestasi guru dan kecemerlangan sekolah.

Dari segi kepentingan teori, dapatan kajian ini memberikan sumbangan kepada pembangunan pengetahuan dalam bidang kepimpinan digital, pembelajaran profesional guru, dan kreativiti guru. Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dan pertukaran idea akademik bagi penggunaan teori-teori pendidikan seperti teori pembelajaran dewasa, teori pembelajaran transformatif, dan teori kreativiti. Dengan demikian, dapatan kajian ini bukan hanya memperkaya literatur pengetahuan yang sedia ada, malah juga menggalakkan perkembangan ilmiah dalam bidang-bidang yang berkaitan.



Seterusnya, dapatan kajian ini juga menerangkan kepimpinan digital dengan lebih jelas berdasarkan kerangka kepimpinan digital yang dibentuk dalam kajian ini. Kebanyakan kajian lepas biasanya menerangkan kepimpinan digital dengan model ISTE (2014). Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang komprehensif dan kontekstual tentang kepimpinan digital dalam konteks pendidikan. Dari segi pembelajaran profesional guru, terdapat pelbagai konseptualisasi pembelajaran profesional guru telah dikemukakan tetapi tidak disentuh secara menyeluruh (Harris & Jones, 2019). Penggunaan model pembelajaran guru Ricards dan Farrell (2005) dapat memberikan sumbangan ilmiah terhadap pengetahuan literatur sedia ada. Model ini menyediakan kerangka untuk guru dalam meningkatkan profesionalisme mereka. Tambahan pula, kajian ini dapat menyumbang satu soal selidik pembelajaran profesional guru yang baharu untuk membantu pengkaji-pengkaji lain





dalam penyelidikan lanjut nanti. Kajian ini juga memberi sumbangan secara teori dengan menerangkan hubungan antara kepimpinan digital, pembelajaran profesional guru dan kreativiti guru dalam konteks Malaysia. Justeru itu, pengkaji mengharapkan kajian ini akan menyumbang kepada literatur yang sedia ada dan juga menjadi suatu rujukan ilmiah yang tepat dan sesuai dengan konteks Malaysia.

1.12 Rumusan

Secara rumusan, bab ini telah mengemukakan gambaran umum yang merangkumi latar belakang kepada pernyataan masalah kajian, iaitu kepimpinan digital guru besar, pembelajaran profesional guru dan kreativiti guru di sekolah rendah. Seterusnya, bab ini juga membincangkan tujuan kajian yang merangkumi objektif, soalan dan hipotesis kajian. Kerangka teori dan kerangka konseptual kajian juga digunakan untuk menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah perantara dan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Perbincangan bab ini diikuti definisi operasional, batasan kajian, dan diakhiri dengan kepentingan kajian dari segi teori dan praktikal. Dalam bab yang berikutnya, pengkaji akan membincangkan literatur yang berkaitan dengan kepimpinan digital guru besar, pembelajaran profesional guru dan kreativiti guru di sekolah rendah.

